

08/09/1998

Cuaca punca Ekspo Papita '98 kurang sambutan

CUACA kurang baik dianggap menjadi punca kenapa ekspo Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penulis Tanah Air (Papita '98) baru-baru ini kurang mendapat sambutan masyarakat umum.

Setiausahanya, Nahsaruddin Alias atau Nash, berkata biarpun pelbagai artis terkenal ditampikan menerusi siri konsert yang diadakan setiap malam, hujan yang turun pada sesetengah malam menghalang peminat menyaksikan artis kegemaran mereka beraksi.

"Ekspo dibuat pada tempat terbuka dan apabila hujan, padang konsert menjadi lecah dan menghalang orang ramai datang menyaksikan pertunjukan."

"Saya yakin jika cuaca baik, hampir setiap malam ekspo yang diadakan mendapat sambutan lebih-lebih lagi apabila ada peminat datang semata-mata mahu menonton persembahan artis mereka," katanya sewaktu dihubungi Pusparia, semalam.

Mengenai kutipan keseluruhan sepanjang dua minggu ekspo itu diadakan, Nash berkata pihaknya belum boleh melaporkan jumlahnya kerana mesyuarat menilai semula belum dibuat.

"Kami akan membuat penilaian semula segala kutipan penjualan gerai dan kutipan pintu masuk ke ekspo itu," katanya.

Ekspo Papita '98 dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 13 Ogos lalu adalah usaha pertama Papita selaras dengan seruan kerajaan menggalakkan penggunaan barangan buatan Malaysia sebagai langkah mengatasi masalah ekonomi masa kini.

Ekspo di USJ 10, Subang Jaya, dibuka dari jam 4 petang hingga 12 malam itu menyediakan ruang pameran kepada pengeluar barangan buatan Malaysia ataupun peniaga yang menjual barangan buatan Malaysia saja.

Selain pakaian, kenderaan, cenderahati dan makanan, ekspo yang diadakan selama dua minggu itu turut menampilkan persembahan khas artis tempatan secara langsung setiap malam.

(END)